



DISEMBER  
2020



جامعة إسلامية  
JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI PERAK  
KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN,  
JLN PANGLIMA BUKIT SANTANG WAHAB,  
30000 IPOH, PERAK.  
EMEL: ukms@jaipk@gmail.com  
TEL: 05-208 4800 • FAX: 05-255 5512  
ISSN 2773-5591

POSTER  
SIRI PEPERANGAN  
RASULULLAH  
SAW

# RASULULLAH SAW

# MODUL LENGKAP INSANI

Menarik

Khurafat Safar

Kenali  
Jenis Talak  
Bahagian II

Asal Usul  
Laungan Azan  
Dikumandangkan

TEKA  
SILANG  
KATA

رمضان

الرَّضْمَنُ





# Minda Pengarah JAIPk

Assalamualaikum WBT

Memahami kedudukan Muhammad SAW membawa kepada keyakinan betapa sempurnanya susuk paling mulia dalam sejarah tamadun manusia. Namun pelbagai ungkapan yang disandarkan kepada Baginda SAW sering tidak mencakupi ciri sebenar kerasulan Baginda. Tanpa

disedari ungkapan yang menyanjung Baginda sebagai pemimpin agung terselit agenda untuk menenggelamkan kedudukan Baginda yang jauh lebih tinggi dan mulia iaitu Rasulullah kepada sekalian umat.

Dalam sejarah dunia telah lahir pelbagai watak kepimpinan di timur dan barat yang memiliki ketokohan yang dihormati dan disanjung tinggi. Patung raksasa watak kepimpinan dibina untuk penghormatan rakyat di lokasi paling strategik dan tidak kurang gambar bersaiz gergasi dipasang di merata tempat. Sesungguhnya mereka adalah antara kepimpinan dunia punya gaya, kefahaman dan idealisme tersendiri. Bukan sedikit jasa yang mereka taburkan demi pengikut yang memuja mereka selari dengan idealisme yang diperjuangkan.

Sebaris dengan kepimpinan beginilah juga, pemikir barat menyenaraikan kekasih Allah Muhammad SAW berada dalam kelas yang sama. Sesungguhnya ia strategi halus yang mengangkat nama Rasulullah sebagai pemimpin agung di zamannya, sedangkan hakikat sebenar Baginda bukan sekadar pemimpin daripada kalangan manusia biasa seperti mereka. Watak sebenar Baginda adalah manusia pilihan Allah diangkat sebagai Rasulullah pembawa risalah Islam yang membawa rahmat kepada sekalian alam. Status kerasulan Baginda cuba dipadam sebegitu licik.

Rasulullah SAW adalah penyempurna kepada risalah Islam yang didokong oleh sekalian Nabi dan Rasul. Baginda telah menunjukkan model sebenar Islam yang tidak pernah wujud dalam sejarah manusia. Uswah Hasanah yang sudah lengkap itu hanya perlu disalin dan dicontohi untuk mengharungi kehidupan penuh kemakmuran di dunia dan kesejahteraan di akhirat. Ia bukan sekadar prototaip kepimpinan semata-mata, malah mencakupi seluruh bidang keperluan hidup manusia. Ia amat sempurna. Semuanya adalah kerana Baginda merupakan Rasulullah SAW.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَّعَلَى آلِهٖ وَأَصْنَابِهِ أَجْمَعِينَ

S.F DATO' HAJI MOHD YUSOP BIN HAJI HUSIN  
Pengarah, Jabatan Agama Islam Perak

# ISI KANDUNGAN

EDISI 2 / 2020

- 4 **Hadis Dan Doa Pilihan :**  
Rasulullah Pembawa Rahmat
- 5 **Rasulullah SAW**  
Modul Lengkap Insani
- 6 **Amalkan Pemakanan**  
Sihat Dan Berkhasiat
- 7 **Menyantuni Kepelbagai Bangsa Dan Etnik :** Panduan Umum Menyantuni Pelbagai Perayaan Dan Sambutan
- 8 **Kenali** Jenis-Jenis Pembubaran Perkahwinan
- 9 **Bagaimana Laungan** Azan Bermula
- 10 **Khurafat** Bulan Safar
- 11 **Kesalahan Mengajar Agama Islam**  
Atau Apa-Apa Perkara Tentang Agama Islam Tanpa Tauliah
- 12 **Apa Itu** Macau Scam?
- 13 **Rasulullah SAW** Teladan Sepanjang Zaman
- 14 **Intisari** Khutbah Jumaat
- 15 **Warta JAIPk**
- 16 **Warta JAIPk**
- 17 **Warta JAIPk**
- 18 **Peraduan Teka Silang Kata**
- 19 **Soal Jawab** Pengubatan Islam

Platform berteraskan  
'Al Fahmu' mencelik  
minda dan penghayatan  
pegangan Ahli Sunnah  
Wal Jamaah menggapai  
keredhaan Allah.

## SIDANG PENGARANG

### PENERBIT :

Jabatan Agama Islam Perak

### Ketua Pengarang :

Mohd Azam Bin Hamzah, A.M.P

### Ketua Editor :

Ideris Bin Isahak

### Editor :

Nadya Bt Jamri

Muhamad Shahir Bin Zainul Mokhtar

Wan Suzana Bt Mior Azimi

Ahmad Aiman Bin Abdullah Chik



# ***Hadis Dan Doa Pilihan***

## ***Rasulullah Pembawa Rahmat***

عَنْ أَبِي صَالِحٍ قَالَ: كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُنَادِيهِمْ:  
يَا أَيُّهَا النَّاسُ، إِنَّمَا أَنَا رَحْمَةٌ مُهْدَأةٌ

Daripada Abu Soleh RA beliau berkata: "Adalah Nabi SAW (pada suatu hari) menyeru para sahabat: "Wahai sekalian manusia! (Ketahuilah) Bahawa sesungguhnya daku ini adalah rahmat yang dihadiahkan (oleh Allah SWT kepada seluruh alam)."'

HR Ad-Darimi:15, Al-Hakim dalam Al-Mustadrak:98

### **Pengajaran Hadith :**

- Allah SWT mengutuskan Nabi Muhammad SAW sebagai pembawa rahmat ke seluruh alam sebagaimana firmanNya dalam surah al-Anbiya', ayat 107 yang bermaksud "Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam".
- Nabi SAW diutuskan semata-mata untuk membawa risalah ketauhidan, iaitu dengan mengeluarkan manusia daripada lembah penghambaan sesama manusia kepada semata-mata menyembah Allah SWT.
- Risalah tauhid ini disampaikan dengan penuh rahmat melalui jalan dakwah iaitu mengajak manusia beriman kepada Allah SWT.
- Rahmat yang dibawa oleh Nabi SAW mengatasi segala pemikiran dan sempadan berpandukan wahyu dan hidayah Allah SWT, bukan mengikut hawa nafsu dan logik akal.
- Hanya dengan wahyu dan petunjuk Allah SWT sahajalah yang akan membawa manusia kepada jalan kebenaran dan kejayaan.

Setiap Muslim hendaklah beramal dengan sunnah sebagaimana yang telah ditunjukkan oleh Nabi SAW, para sahabat baginda dan para salafusoleh yang telah mendapat petunjuk daripada Allah SWT.

## ***Doa Memohon Ketabahan Ketika Musibah***

رَبَّنَا أَفْرِغْ عَلَيْنَا صَبْرًا وَثَبِّتْ أَقْدَامَنَا  
وَأَنْصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ

Maksudnya: "Wahai Tuhan kami! Limpahkanlah sabar kepada kami, dan teguhkanlah tapak pendirian kami serta manangkanlah kami terhadap kaum yang kafir"

(Al Baqarah: 250)

## ***Doa Nabi Yunus***

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَنَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ

Maksudnya: "Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau (ya Allah)! Maha Suci Engkau (daripada melakukan anjaya, tolonganlah daku)! Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri".

(Al Anbiya' : 87)

# RASULULLAH SAW

## Modul Lengkap Insani

Rasulullah SAW adalah 'role model' membawa modul kehidupan lengkap, tepat dan relevan sepanjang zaman dalam sejarah tamadun manusia. Tiga teras utama modul kehidupan ini adalah:

### ASPEK AQIDAH

Tauhid yang dianjurkan oleh Rasulullah SAW adalah mengesakan Allah SWT dengan sebenar-benar keyakinan. Menurut Prof. Datuk Dr Siddiq Fadzil, umat Islam yang berkualiti lahir hasil kekuuhan tauhid sebagai 'Umat Qurani' iaitu golongan yang muncul bersama semangat dan jati diri nilai al-Quran. Ia dapat dilihat di zaman Rasulullah SAW bersama para sahabat yang mana tauhid mereka kepada Allah SWT membawa kepada ketinggian martabat sebagai seorang hamba dan khalifah di muka bumi ini.

Prof Dr Yusof Al-Qaradawi juga menyatakan kejayaan umat Islam terdahulu berkait rapat dengan keutuhan tauhid mereka sehinggalah lahirnya tamadun Islam yang unggul.

Oleh itu, keutuhan tauhid kepada Allah SWT ini perlu diterap dalam kehidupan seharian. Hari ini, telah tersebar serangan pemikiran yang cuba untuk melampaui batas syarak yang kononnya menyuarakan hak kebebasan manusia. Golongan ini menyatakan ajaran Islam telah menyekat kebebasan mereka. Antara perkara yang mereka perjuangkan adalah membebaskan manusia bertuhankan hanya kepada Allah SWT, anjuran murtad iaitu bebas memilih agama, menafikan hakimiyah Allah SWT dan perkara-perkara yang bertentangan dengan fitrah manusia serta agama. Dalam sebuah hadis, Rasulullah S.A.W bersabda:

*Maksudnya: Sesiapa yang berkata sesuatu pada al-Quran dengan menggunakan pendapatnya sendiri maka bersialah tempatnya di dalam neraka.*

Riwayat Al-Tirmizi (2951)

### ASPEK SYARIAH

Bertepatan dengan istilah syariah, setiap mukallaf perlu menjalani kehidupan dengan berpandukan aturan atau ketetapan yang diwajuhkan kepada Rasulullah SAW yang terdiri daripada hukum-hakam dalam al-Quran dan Sunnah, yang berkait dengan bidang akidah dan hukum-hakam perbuatan mukallaf sama ada qat'ie atau zhanni.

Perundangan Islam yang diturunkan oleh Allah SWT adalah untuk menjaga kemaslahatan (kebaikan) manusia di dunia dan akhirat. Gagasan maslahah perundangan Islam dikenali sebagai maqasid syar'iah.

Lima pecahan maqasid syariah yang wajib setiap mukallaf praktikkan dalam kehidupan seharian iaitu menjaga agama,

menjaga nyawa, menjaga akal, menjaga keturunan dan menjaga harta.

Jika kesemua pecahan maqasid syariah ini diaplikasikan dengan baik, segala urusan kehidupan dapat dijalankan dengan baik dan lancar tanpa berlaku kerosakan dan kemusnahan.

### ASPEK AKHLAK

Firman Allah SWT:

*"Dan bahawa sesungguhnya engkau (Muhammad) mempunyai akhlak yang amat mulia."*

Surah Al-Qalam: 4

Akhlik yang terbaik dan terpuji adalah akhlak Rasulullah SAW. Setiap muslim wajib mencontohi akhlak Rasulullah SAW serta berusaha melakukannya dengan penuh kesungguhan. Akhlak adalah intipati daripada kemurniaan tauhid serta pematuhan kepada syariah Allah SWT.

Antara tujuan utama perutusan para Rasul adalah melaksanakan amar makruf dan nahi mungkar. Seluruh kehidupan Rasulullah SAW dicurahkan untuk mengajak manusia melakukan kebaikan dan mencegah segala kemungkaran.

Rasulullah SAW telah menterjemahkan al-Quran dengan perilaku akhlaknya seperti yang digambarkan oleh Saidatina Aisyah RA "bahawa akhlak Rasulullah SAW itu al-Quran."



# Amalkan Pemakanan Sihat dan Berkhasiat

Islam menganjurkan umatnya mengambil makanan yang diberkati kerana ia mempunyai kesan kepada kehidupan di dunia dan di akhirat.

Kebanyakan manusia mendapat penyakit disebabkan oleh corak / pola pemakanan yang salah dan kurang pengetahuan mengenai pemakanan sihat.

## Makanan Dan Minuman Yang Berkhasiat



### 1. AIR ZAMZAM

Kajian saintifik menunjukkan bahawa air zamzam mempunyai struktur molekul air yang unik dan bersifat beralkali. Ciri ini dapat mengimbangi keasidan di dalam badan.



### 2. DAGING KAMBING BAHAGIAN LENGAN HADAPAN

Mengandungi kurang lemak, paling lembut, mudah dihancurkan / dihadamkan dan mengandungi banyak zat besi.



### 3. ROTI YANG DIPERBUAT DARIPADA TEPUNG BARLI YANG TIDAK DIPROSES

Mengekalkan serat dan khasiat vitamin kerana lapisan bran dikekalkan



### 4. SUSU

Susu yang mengandungi khasiat yang lengkap terdiri daripada protein, lemak dan mineral yang dapat membantu pembentukan tulang serta mencegah penyakit anemia.



### 5. KEJU

Rasulullah SAW menyukai keju yang diperbuat daripada susu lembu dan kambing. Keju rendah lemak mempunyai lebih manfaat sama seperti susu rendah lemak.



### 6. KURMA

Mengandungi 23 jenis asid amino, sebahagiannya tidak ditemui dalam buah-buahan yang popular seperti oren, epal dan pisang.

Nabi Muhammad SAW adalah manusia yang membawa teladan Islam dengan mempamerkan cara hidup Islam yang sebenar. Pemakanan antara aspek yang dititik beratkan oleh Rasulullah SAW demi mencapai keberkatan hidup.



### 7. ANGGRU

Kandungan vitamin C dan B6 cukup tinggi serta mineral kalium yang berfaedah untuk saluran pencernaan dan saluran kencing kerana bersifat diuretik.



### 8. CUKA KURMA

Ibnu Sina dalam kitab beliau Al-Qanun Fi Al-Tib menyatakan bahawa cuka kurma dapat : Mencegah sebarang pembengkakan di badan (bisul, kanser)



### 9. MADU

Madu lebah kaya dengan bahan antioksidan yang berfungsi menghalang bahan-bahan radikal bebas bertindak ke atas sel-sel badan bertukar kepada kanser.



### 10. BARLI

Berkhasiat untuk mereka yang mengalami demam kerana ia lembut serta mudah dihadam. Di samping itu, ia dapat menurunkan kolesterol serta dapat melindungi usus daripada penyakit kanser.



### 11. JINTAN HITAM (HABBATUSSAUDA')

Anti-radang dan anti-tumor serta meningkatkan sistem imunisasi badan.



### 12. MINYAK ZAITUN

Melindungi diri daripada penyakit koronari jantung, menurunkan paras kolesterol darah, mengawal tekanan darah serta melindungi diri daripada kanser.

## PANDUAN

Rasulullah SAW mengamalkan cara hidup sihat melalui gaya pemakanan yang seimbang dan sentiasa bersederhana. Gaya hidup Baginda sangat sesuai dijadikan pedoman hidup agar terhindar daripada gejala penyakit.

Rasulullah SAW sentiasa menggalakkan umatnya agar menjaga kesihatan. Kesihatan yang baik perlu digunakan untuk menjaga agama serta kehidupan sekalian manusia.

# Menyantuni Kepelbagaian Bangsa Dan Etnik

## Panduan Umum Menyantuni Pelbagai Perayaan dan Sambutan

Islam adalah agama yang membawa rahmat, keamanan dan segala kebaikan. Allah SWT telah memerintahkan kepada kita untuk berlaku baik kepada semua manusia.

Dalam surah Al-Baqarah ayat 83 Allah SWT berfirman “Dan katakanlah kepada sesama manusia perkataan-perkataan yang baik”.

Agama Islam adalah Agama Persekutuan dalam erti kata lain ia adalah agama rasmi negara. Dalam masa yang sama Islam menyantuni kepentingan pelbagai bangsa dan etnik.

- 1) Diharuskan untuk mengucapkan selamat apabila wujud keperluan untuk mengucapkannya bagi menyuburkan semangat muhibbah dan memperbaiki ketegangan sosial yang berlaku dalam masyarakat.

Itu wajar dalam konteks pemimpin bagi masyarakat majmuk, hubungan kekeluargaan

yang terdiri daripada penganut Islam dan bukan Islam, kejiranan dan rakan sekerja.

- 2) Ucapan selamat hanya sebagai tanda menjaga hubungan baik, tiada paksaan dalam agama dan tidak bertujuan mengagungkan dan memuliakan agama lain.
- 3) Penyertaan orang Islam dalam majlis sambutan perayaan hanyalah pada kadar yang diperlukan sahaja seperti jamuan makan atau bergambar.
- 4) Dbolehkan menerima atau memberi hadiah kepada mereka.
- 5) Dbolehkan untuk hadir ke majlis orang bukan Islam sekiranya ianya diadakan di luar rumah ibadat seperti di dewan orang ramai, padang, pejabat atau rumah, untuk tujuan yang berkait dengan adat seperti jamuan makanan halal yang dihidangkan.

### INFO

Sabda Rasullullah SAW “Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan kemuliaan akhlak”

Sambungan Daripada Kenali Jenis-Jenis Talak Edisi 1

# KENALI JENIS-JENIS Pembubaran Perkahwinan

## Ta'liq

Lafaz cerai oleh suami yang dikaitkan dengan sesuatu perkara.

Jenis lafaz Ta'liq ialah :

1.1 Ta'liq dengan sifat

Contoh: "Kamu tercerai dalam bulan Ramadan"

1.2 Ta'liq dengan syarat

Contoh: "Kamu tercerai jika keluar dari rumah ini"

## Khuluk (tebus talak)

Contoh :

Isteri berkata: "Ceraikan saya dengan bayaran RM1000.00"

Suami menerima lafaz, "Saya ceraikan awak dengan bayaran RM1000.00"

Jumlah bayaran tebus talak yang tidak dipersetujui boleh ditentukan oleh Mahkamah Syariah mengikut taraf dan sumber kewangan suami dan isteri.

## TAHUKAH ANDA!!!

Melafazkan cerai di luar mahkamah merupakan suatu kesalahan dan boleh dikenakan tindakan undang-undang di bawah Enakmen Keluarga Islam (Perak) 2004, Seksyen 125.

### Hukuman yang dikenakan :

Denda tidak melebihi RM 3000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

## Fasakh

Pembubaran perkahwinan disebabkan oleh sesuatu keadaan yang diharuskan oleh Hukum Syarak dengan kuasa Mahkamah Syariah.

Antara alasan-alasan fasakh ialah :

- i. Suami / isteri menghilangkan diri selama 1 tahun atau lebih.
- ii. Suami cuai dan tidak memberikan peruntukan nafkah selama tempoh 3 bulan.
- iii. Suami / isteri dipenjarakan selama 3 tahun atau lebih.
- iv. Suami / isteri tidak menunaikan nafkah batin selama tempoh 3 tahun tanpa sebab yang munasabah.
- v. Suami telah mati pucuk pada masa perkahwinan dan tidak diketahui oleh isteri pada ketika itu.
- vi. Suami / isteri telah gila selama 2 tahun atau mengidap penyakit berjangkit.
- vii. Isteri dikahwinkan oleh wali Mujbirnya sebelum mencapai umur baligh.
- viii. Suami / isteri yang menganiayai pasangan.
- ix. Suami / isteri yang dengan sengaja enggan disetubuh walaupun setelah 4 bulan tempoh perkahwinan.
- x. Isteri tidak izin akan perkahwinan atau izin yang tidak sah disebabkan oleh paksaan, kesilapan, ketidaksempurnaan akal atau hal-hal lain yang diiktiraf oleh Hukum Syarak.
- xi. Pada masa perkahwinan, isteri adalah seorang yang sakit mental sama ada berterusan atau berselangan yang menjadikannya tidak layak untuk berkahwin.

## Li'an

Sumpah suami apabila dia menuduh isterinya melakukan zina tanpa saksi atau menafikan kandungan isterinya daripada benihnya dan isterinya bersumpah menafikan tuduhan suaminya.

# Bagaimana Laungan AZAN BERMULA?

Azan disyariatkan pada tahun pertama hijrah.

Ketika orang Islam sampai di Madinah mereka berkumpul dan menantikan waktu bersolat. Tidak ada cara yang diserukan bagi solat tersebut.

Suatu hari mereka berbincang tentang perkara itu dan ada yang mencadangkan loceng digunakan sepertimana loceng orang Nasrani dan sebahagianya mencadangkan seruan seperti terompet tanduk yang digunakan oleh orang Yahudi.

Lalu diberi cadangan oleh Umar kepada Rasulullah SAW untuk menyerukan solat lalu diarah kepada Bilal untuk melaungkannya.

Berkenaan asal usul lafaz azan, dua orang sahabat telah mendapat mimpi mengenainya iaitu Abdullah bin Zaid R.A dan Umar bin al-Khattab R.A.

Abdullah bin Zaid R.A bermimpi melihat seorang memegang loceng untuk menyeru orang untuk bersolat, namun beliau mencadangkan seruan yang lebih baik iaitu :

*“الله أكبير، الله أكبير، الله أكبير؛ ..... (sehingga akhir azan). Tidak lama selepas itu, dia berkata lagi: “Ketika kamu berdiri untuk mengerjakan solat, sebutkan ‘، الله أكبير الله أكبير’ ..... (hingga akhir iqamat).*

Riwayat Abu Daud (449)

Lalu Baginda SAW bersabda yang bermaksud :

*“Dengan izin Allah, ia adalah mimpi yang benar. Berdirilah bersama Bilal dan sampaikan kepadanya apa yang kamu lihat supaya dia boleh melaungkan azan kerana suaranya lebih baik daripada kamu. Lalu aku bangun bersama Bilal dan menyampaikan kepadanya. Lantas dia pun melaungkan azan. Umar al-Khattab yang berada di rumahnya mendengar laungan azan tersebut, lalu keluar sambil menarik jubahnya”.*

Katanya: *“Demi Tuhan yang mengutus engkau dengan kebenaran wahai Rasulullah, aku juga melihat seperti apa yang dilihatnya (Abdullah). Baginda menjawab: “Segala puji bagi Allah”.*

## INFO

Antara peristiwa yang berlaku di dalam bulan Rabiulawal

- Bulan di mana Nabi dilahirkan dan wafat.
- Nabi dilantik menjadi Rasul ketika berusia 40 tahun.
- Hijrah pertama Nabi dari Mekah ke Madinah (Yathrib)



# SRI PEPEERANGAN

## Info!

**Islam tidak berkembang melalui mata pedang, sebaliknya berkembang kerana dakwah hasanah yang dibawa oleh Rasulullah SAW**

## TAHUN 14 SH (SEBELUM HIJRAH)

Rasulullah SAW diangkat menjadi Rasul ketika berusia 40 tahun setelah penurunan wahyu daripada Allah SWT melalui malaikat Jibril di Gua Hira' Mekah.

## TAHUN 1 HIJRAH 27 SAFAR

Bermula penghijrahan Rasulullah SAW ke Madinah.

## Yang Diketuai Rasulullah SAW

### TAHUN 2 HIJRAH

#### SAFAR

##### Perang Abwa'

Lokasi: Pergunungan Waddan, Desa Al-Abwa'

- Pertama kali Rasulullah SAW memimpin pasukan ketenteraan seramai 70 orang daripada kalangan muhajirin.
- Misi menggugat dan menyekat rombongan pedagang Quraisy.
- Termeteari satu perjanjian damai bersama penduduk tempatan daripada Bani Al-Dhamrah.

#### RABIULAWAL

##### Perang Buwath

Lokasi: Buwat, Wilayah Radhwa

- Misi menggugat dan menyekat rombongan pedagang Quraisy yang lebih besar iaitu 2500 ekor untuk yang sarat dengan muatan dengan 100 pahlawan Quraisy yang berkuda dan berjalan kaki.
- Tentera Rasulullah dapat dihidu kedatangannya sekali lagi rombongan Musyrikin Mekah terselamat.

##### Perang Sufwan

Lokasi: Sufwan, Wilayah badar

- Rasulullah SAW bersama 70 orang sahabat mengejar kumpulan Kurz al-Fihr yang cuba mengganggu-gugat kestabilan Madinah dengan merompak hasil ternakan, hasil buah-buahan dan merosakan tanaman penduduk Madinah.
- Tentera Rasulullah SAW mengejar sehingga ke Sufwan akhirnya musuh tidak dapat dikesan.

##### Perang Dzi Al-Usyairah

Lokasi: Pedalaman Yanbu'

- Kali ini, Nabi SAW menyusun strategi serampang dua mata.
- Di sinilah permulaan awal perlakunya peristiwa perang Badar Nabi SAW ingin mendapatkan semula harta Muhajirin di Mekah telah dirampas oleh tentera musyrikin yang diketuai oleh Abu Sufyan.

#### RAMADHAN

##### Perang Badar

Lokasi: Badar

- Kesinambungan daripada Perang Dzi Al-Usyairah, 313 orang tentera Rasulullah SAW bersedia menghadapi musuh lebih 1000 orang tentera musuh termasuk 100 orang tentera berkuda diketuai oleh Abu Jahal.
- Abu Jahal telah tewas dan dibunuhi di dalam perperangan ini.
- 14 orang daripada tentera Rasulullah SAW telah terkorban termasuklah puteri Baginda SAW, Ruqayyah.

#### SYAWAL

##### Perang Bani Qainuqa'

Lokasi: Perkampungan Bani Qunaiqa'

- Oleh kerana Yahudi Bani Qunaiqa' melanggar perjanjian dengan Rasulullah SAW dan penduduk Madinah, iaitu mereka telah melakukan pencabulan kehormatan seorang wanita Muslimah Ansar di pasar Yahudi Bani Qunaiqa'.
- Rasulullah SAW telah mengumpung perkampungan ini selama 15 hari menyebabkan mereka ketakutan dan menyerah kalah kepada Nabi SAW.

### ZULHIJJAH

#### Perang Al-Sawiq

Lokasi: Uraidih

- Rentetan daripada kekalahan kaum Quraisy di Medan Badar, Abu Sufyan bersama 200 tentera berkudanya ke Uraidih, pinggiran Madinah lalu telah membunuh 2 orang Ansar yang sedang berkebumen dan memusnahkan rumah dan ladang milik penduduk di situ.
- Abu Sufyan telah melarikan diri jauh sambil melemparkan al-Sawiq iaitu sejenis makanan yang diperbuat daripada campuran tepung batu dan gandum sebagai bekalan makanan kerana gerun dengan kehadiran tentera Nabi SAW.

### TAHUN 3 HIJRAH

#### MUHARRAM

##### Perang Bani Sulaim

Lokasi: Qarqarah al-Kudr

- Bani Sulaim telah melakukan serangan kepada Madinah atas suruhan musyrikin Mekah kerana kekalahan mereka di Badar.
- Rasulullah SAW bersama 200 tentera Muslimin ters menuju ke penempatan Bani Sulaim.
- Mereka telah melarikan diri dengan meninggalkan 500 ekor unta dan seorang hamba dan ini semua telah dijadikan sebagai ghanimah dan tawanan.

#### RABIULAWAL

##### Perang Ghatafan

Lokasi: Dzu-Amr, Najd

- Maklumat risikan mengatakan Madinah bakal diserang, lalu Rasulullah SAW bersama 450 tentera melakukan serangan terlebih dahulu.
- Jubar daripada Bani Thalabah telah berjaya ditangkap kerana tidak sempat melarikan diri lalu diislamkan.
- Du'thur sebagai ketua musuh akhirnya memeluk Islam dan menyeru kedua-dua kabilah untuk memeluk Islam kerana gerun mendengar jawapan Nabi SAW ketika dia telah mengacukan pada ke tengku Nabi SAW.

#### PERANG BUHRAN

Lokasi: Buhran

- Perang ini rentetan daripada peperangan Bani Sulaim di Qarqarah al-Kudr.
- Maka kali ini mereka ingin membalas dendam terhadap tentera Nabi SAW.
- Sekali lagi Nabi SAW bersama 300 tentera telah memerangi mereka terlebih dahulu dan mereka telah melarikan diri buat selamanya.

#### SYAWAL

##### Perang Uhud

Lokasi: Gunung Uhud

- 1000 tentera Muslimin bergerak ke Uhud, namun 300 orang tentera dalam kalangan munafik diketuai Abdullah Bin Ubai Bin Salul berpalang tadi pulang ke Madinah. Di pihak lawan seramai 3000 tentera.
- Dalam peperangan ini Nabi SAW luka parah kerana ujian ketiauan berlaku apabila Nabi SAW mengarahkan agar jangan sesekali tinggal kedudukan yang telah diatur tetapi kecuaian tentera Muslimin terpesona dengan harta ghanimah.

## Perang Hamra Al-Asad

Lokasi: Gunung Hamra Al-Asad

- Tentera di dalam perperangan ini adalah daripada perang Uhud.
- Nabi SAW dan tenteranya mengejar musuh sehingga ke Gunung Hamra al-Asad dan bertahan selama tiga hari tanpa sebarang perperangan.
- Musuh berasa gentar untuk berpatah balik dan memadai kemenangan di Uhud kononnya.

## TAHUN 4 HIJRAH

### RABIULAWAL

#### Perang Bani Nadir

Lokasi: Perkampungan Yahudi Bani al-Nadir

- Rasulullah SAW melakukan kejadian selama 15 hari di perkampungan Bani Nadir, meruntuhkan rumah dan membakar pokok kurma kerana mereka berharas ingin membunuh Nabi SAW dan tentera Muslimin sedangkan Nabi SAW datang untuk berbincang atas tujuan perdamaian.
- Mereka yang mengharapkan pertolongan Abdullah Bin Ubay iaitu bapa munafik akhirnya tertipu dan akur untuk keluar dari kampung itu.

### SYA'BAN

#### Perang Badar Al-Mau'd

Lokasi: Badar (Badar Al-Akhira)

- Semuanya bermula daripada Abu Sufyan yang meluahkan cabaran kepada Nabi SAW setelah berakhiri perang Uhud setahun yang lalu.
- Tentera Nabi SAW seramai 1500 orang bersama 10 pasukan berkuda bersiar-sedia di Badar bahkan lebih awal daripada tentera musyrikin.
- Abu Sufyan bersama 2000 tenteranya membatakan hasrat berperang dengan alasan musim kemarau padahal mereka berasa gerun dengan tentera Nabi SAW.

## TAHUN 5 HIJRAH

### MUHARRAM

#### Perang Dumah al-Jandal

Lokasi: Dumah al-Jandal

- Terdapat cubaan untuk menyerang kota Madinah dari lokasi ini.
- Menariknya Nabi SAW menggunakan strategi serang hendap iaitu melakukan perjalanan waktu malam dan berhenti waktu siang. Hasilnya tentera Rasulullah SAW pulang ke Madinah bersama ghanimah dan dalam perjalanan Baginda SAW sempat mengadakan perjanjian damai dengan Uya'inah Bin Hishn al-Fazari.
- Kesan perjanjian, damai ini laluan utama pedagang musyrikin Mekah ke Syam dikuasai oleh kabilah-kabilah pro-Madinah.

### SYAWAL

#### Perang Al-Khandak

Lokasi: Sekitar Madinah

- Salman Al-Farisi telah mengemukakan cadangan strategi menggali parit sebagai sekatan kepada 10,000 tentera Bani Nadir yang ramai lalu Nabi SAW menyentujinya.
- Setelah 20 hari Madinah dikepung, Nabi SAW melancarkan perperangan saraf terhadap Al-Ahzab. Baginda telah menghantar Nua'im Bin Mas'ud al-Ghatafani untuk membuat propaganda dan memecahbelahkan pakatan mereka. Ianya sangat berjaya.
- Akhirnya, kedatangan tentera Allah SWT berupa angin kencang dan para malaikat menjadi titik tolak kemenangan tentera Muslimin.

### ZULKAEDAH

#### Perang Bani Quraizah

Lokasi: Perkampungan Bani Quraizah, Madinah

- Sebaik sahaja selesai perang Khandak, Nabi SAW bersama 3000 tentera dan 36 pasukan berkuda mengepung kampung Bani Quraizah.
- Mereka telah melakukan pengkhianatan dalam perang Khandak dengan membela menyokong musuh. Bukan itu saja, rupanya mereka telah menghimpun kekuatan untuk menyerang kaum Muslimin dalam diam.
- Tentera Nabi SAW telah menemui ribuan peralatan perang dan sejumlah besar unta dan binatang ternakan.

## TAHUN 6 HIJRAH

### RABIULAWAL/ JAMADILAWAL

#### Perang Bani Lihyan

Lokasi: Lembah Ghurun

- Tujuannya adalah menuntut bela atas pengkhianatan terhadap Nabi SAW dengan membunuh 10 sahabat Nabi SAW (peristiwa Raj'i) dengan kejam dan licik.
- Setibanya di sana, mereka sudah pun melarikan diri ke gunung-gunung meninggalkan perkampungan itu kerana ketakutan.

### SYA'BAN

#### Perang Bani Mustaliq

Lokasi: Murasi', al-Qudaid

- Nabi SAW melakukan serangan terlebih dahulu ke atas mereka di Murasi' setelah mendengar berita mereka ingin menyerang Baginda SAW.
- Anak perempuan Al-Haris Bin Abi Dhirar (ketua pasukan musuh), Juwairiyah Binti Al-Haris berjaya ditangkap dijadikan tawanan dan Nabi SAW mengambil satu langkah siyasah dengan mengahwini Juwairiyah.
- Kesannya, 100 keluarga Bani Mustaliq telah memeluk Islam termasuk al-Haris sendiri dan kesemuanya telah dimerdekaan.

## TAHUN 7 HIJRAH

### MUHARRAM

#### Perang Dzu Al-Qard

Lokasi: Gunung Dzu Al-Qard

- Sekumpulan perompak dari Bani Fazarah diketuai Abdul Rahman Al-Fazari telah merampas unta-unta Nabi SAW dan membunuh seorang pengembalan di Ghbabah.
- Oqtadah berjaya membunuh Abdul Rahman dan perompak lain lari lintang-pukang.
- Sahabat Nabi SAW bernama Salamah mengejar perompak tersebut sehingga mereka berhenti minum air kerana dahaga. Nabi SAW meminta Salamah untuk melepaskan mereka.

#### Perang Khaibar

Lokasi: Khaibar

- Yahudi Khaibar yang merancang mengumpulkan 10,000 tentera untuk menyerang Madinah dan menghasut Bani Quraizah untuk melakukan pengkhianatan dalam perperangan Khandak.
- Perang Khaibar bermula dengan perang tanding kemudian barulah berlaku pertempuran yang besar.
- Kesan daripada perperangan ini, sepatutnya mereka perlu keluar dari Khaibar tetapi Nabi SAW membenarkan mereka tinggal di situ untuk mengusahakan tanah dan hasilnya dibahagi dua antara mereka dengan Nabi SAW.

### RABIULAWAL

#### Perang Dzat Al-Riq'a

Lokasi: Najd

- Setelah mendengar konspirasi Bani Ts'alab Bin Saad Bin Ghatafan dan Bani Muharib merancang ingin menyerang Madinah, Nabi SAW bersama tenteranya terus ke Najd.
- Perembangan tersebut tidak mencetuskan perperangan dan pertumpahan darah.
- Selesaiah sahaja perperangan ini, tidak ada lagi serangan daripada pihak kabilah Arab Badwi bahkan mereka mulai memeluk Islam.

## JAMADILAWAL

#### Perang Mu'tah

Lokasi: Mu'tah

- Tercetusnya perperangan ini adalah kerana pembawa utusan surat Nabi SAW dibunuh oleh Syurbil Bin Amru al-Ghassani (Gabenor Balqa' Jajahan Rom).
- Khalid Al-Walid telah mengubah strategi formasi 3000 tentera Muslimin menghadapi tentera musuh seramai 200,000.
- Strategi itu membawa hasil, menggerunkan musuh dan dikagumi kabilah-kabilah Arab terhadap kehebatan tentera Muslimin dan kesannya juga Bani Sulaim, Asy'ir, Ghatafan, Zubayr, Fazarah dan yang lain-lain akhirnya memeluk Islam.

### SYAWAL

#### Perang Hunain

Lokasi: Hunain

- 19 hari selepas penaklukan kota Mekah, Kabilah Arab daripada Hawazin dan Thaqif berpakat mengumpul kekuatan untuk menyerang Rasulullah SAW.
- Nabi SAW diserang hendap di Hunain, panah musuh mula menghujani Baginda dan tenteranya namun keberanian Rasulullah SAW sangat terserlah, Baginda masih kekal di medan perang walaupun ketika itu tentera Muslimin sudah kucar-kacir.
- Daripada perperangan ini, tentera Muslimin berjaya memperoleh ghanimah yang amat lumayan.

#### Perang Taif

Lokasi: Taif

- Rentetan daripada Perang Hunain, Rasulullah SAW menghantar pasukan untuk mengejar musuh yang melarikan diri ke Authas, Nahklah dan Taif.
- Penghiran perang ini, Nabi SAW mengambil keputusan untuk membiarkan sahaja musuh dan pulang kembali ke Mekah.
- Setahun berikutnya, wakil Bani Thaqif bertemu Rasulullah SAW untuk berunding pengislaman mereka dan akhirnya bumi Taif berjaya diislamkan secara menyeluruh.

## TAHUN 9 HIJRAH

### REJAB

#### Perang Tabuk

Lokasi: Tabuk

- Kurang setahun Perang Mu'tah, kerajaan Rom dengan kekuatan 40000 tentera kembali ingin menyerang semula kaum Muslimin melalui jalan Syam.
- 30000 tentera Rasulullah SAW berkobar-kobar untuk bertempur di medan Tabuk membuatkan musuh membatakan hasrat untuk bertempur.
- Ketika Tabuk juga, Nabi SAW didatangi oleh pemimpin dari Ailah iaitu Yohanna Bin Ru'bah, diikuti penduduk Jarba' dan Azruh mengikat perjanjian damai untuk membayar jizyah kepada Nabi SAW.
- Selepas perperangan ini, penaklukan kerajaan Madinah meliputi Semenanjung Arab termasuklah wilayah-wilayah yang dikuasai Rom.



# Khurafat Bulan Safar

Bulan Safar adalah bulan kedua mengikut perkiraan kalender Islam berdasarkan tahun Qamariah. Dalam bulan yang mulia ini masih terdapat di kalangan masyarakat yang melakukan perkara khurafat yang jelas bercanggah dan bertentangan dengan syariat Islam. Kepercayaan karut tersebut bermula daripada amalan atau kepercayaan masyarakat Arab pada zaman Jahiliah. Amalan-amalan yang bercanggah dengan syarak sememangnya terkenal sebelum kedatangan Islam lagi. Perjalanan kehidupan harian mereka sentiasa dibayangi oleh amalan-amalan syirik dan khurafat.

Amalan khurafat yang bertentangan dengan syariat Islam diamalkan di dalam bulan Safar sebagai kesinambungan kepada warisan zaman Jahiliah. Ini kerana menurut kepercayaan turun-temurun sesetengah orang Islam yang jahil, bulan Safar merupakan bulan turunnya bala bencana dan malapetaka, khususnya pada hari Rabu minggu terakhir. Setiap tahun mereka akan melakukan amalan-amalan karut yang telah dicipta sempena bulan Safar sebagai suatu cara untuk menolak bala. Walaupun sekarang amalan tersebut tidak begitu ketara, namun masih ada yang percaya bahawa bulan Safar membawa kecelakaan. Hakikatnya, kepercayaan tentang sial dan bala telah dijelaskan oleh Allah SWT di dalam surah At-Taubah ayat 51:

**“Katakanlah (wahai Muhammad): “Tidak sekali-kali akan menimpa kami sesuatu pun melainkan apa yang telah ditetapkan Allah bagi kami. Dialah Pelindung yang menyelamatkan kami, dan (dengan kepercayaan itu) maka kepada Allah jualah hendaknya orang-orang yang beriman bertawakal.”**

Selain itu Nabi Muhammad SAW telah bersabda yang bermaksud:

**“Tiada penularan penyakit, tiada thiyarah, tiada nasib malang pada burung hantu dan tiada musibah pada bulan Safar.” (Hadis Riwayat al-Bukhari)**

Justeru itu, segala perkara-perkara khurafat yang berlaku di dalam bulan Safar ini harus dibantersa sehingga ke akar umbi. Seluruh umat Islam hendaklah menghindarkan diri daripada melakukan amalan karut-marut tersebut. Mereka yang melakukan perbuatan khurafat wajib bertaubat kepada Allah SWT untuk menyelamatkan akidah daripada kekufturan. Marilah kita berpegang bahawa bala dan musibah tidak akan terjadi kecuali dengan Qada' dan Qadar Allah SWT.

## Antara amalan KHURAFAT yang diamalkan :

### Kenapa amalan khurafat Safar ini perlu dihindari:

1. Bercanggah sepenuhnya dengan akidah dan syariat Islam
2. Berdosa besar serta dijanjikan laknat Allah SWT di dunia dan akhirat jika tidak bertaubat
3. Menyebabkan seseorang dekat dengan perbuatan syirik
4. Melarikan keyakinan dan keimanan kita terhadap Allah SWT
5. Mencemarkan kesucian agama Islam

1

- Masyarakat terutamanya yang tinggal berhampiran sungai atau pantai akan mengadakan upacara mandi beramai-ramai dan bersuka ria dengan kepercayaan perbuatan berkenaan kononnya boleh menghapuskan dosa dan menolak bala.
- Mereka berarak menuju ke destinasi terpilih diiringi dengan alunan muzik, nyanyian, jampi seraph dan alunan bacaan tertentu seterusnya ditulis di atas kertas lalu memasukkannya ke dalam bekas berisi air dan mandi dengannya.

2

- Kepercayaan masyarakat melayu untuk tidak mengadakan majlis pernikahan dan kerian dalam bulan Safar kerana khawatir bahawa kedua-dua pengantin tidak bahagia dan sukar mendapat zuriat serta mempercayai jodoh pasangan pengantin tersebut tidak akan berkekalan.

3

- Mereka mempercayai bayi yang lahir pada bulan Safar bernasib malang dan hendaklah dijalankan satu upacara khas untuk memulihkannya.
- 
- 
- 
- 

4

- Kepercayaan hari Rabu terakhir bulan Safar akan berlaku musibah dan bencana dan mempercayai Allah akan menurunkan kemarahan dan hukuman serta 70000 bala penderitaan akan menimpakan dunia.
- 
- 
-



## **SEKSYEN 108. KESALAHAN MENGAJAR AGAMA ISLAM ATAU APA-APA PERKARA TENTANG AGAMA ISLAM TANPA TAULIAH**

Seksyen ini memperuntukkan agar setiap pengajar agama Islam memiliki tauliah atau kebenaran bertulis.

### **Garis Panduan (Kebenaran Khas Memberi Kuliah Kepada Pengajar Tanpa Tauliah)**

1. Garis Panduan yang ditetapkan sebagai rujukan dalam menimbang sesuatu permohonan penganjuran Syarahan Agama dalam Negeri Perak Darul Ridzuan. A. Permohonan Kebenaran Berceramah / Kuliah / Syarahan.
2. Pemohon / Pengajur hendaklah mengisi borang S I yang disediakan di Pejabat Agama Islam Daerah dan hendaklah menghantar permohonan tersebut sekurang-kurang tujuh hari sebelum tarikh syarahan itu berlangsung kepada Pegawai Tadbir Agama Islam Daerah berkenaan.
3. Tidak dibenarkan mengadakan Ceramah / Kuliah / Syarahan selagi kebenaran belum dikeluarkan dalam Borang S II;
4. Ceramah / Kuliah / Syarahan hendaklah diadakan seperti mana yang di pohon dan dinyatakan di dalam borang S I,
5. Pemohon / Pengajur boleh dipanggil pada bila-bila masa bagi tujuan mendapatkan makluman tambahan terhadap cadangan penganjuran,
6. Sebarang bentuk pemalsuan maklumat yang disengajakan yang dinyatakan dalam borang S I boleh menyebabkan kebenaran penganjuran akan dibatalkan.

### **Pengecualian:**

- 1) Anggota Majlis
- 2) Mufti mana-mana Negeri di Malaysia
- 3) Pegawai Agama
- 4) Guru Agama yang dilantik oleh kerajaan Negeri @ Persekutuan yang mengajar @ memberi syarahan kepada pelajar sekolah @ Institusi di mana dia bertugas.
- 5) Orang pada pendapat Majlis mempunyai kelayakan dan pengalaman yang bersesuaian
- 6) Orang yang mengajar agama Islam atau mana-mana perkara tentang agama Islam di dalam kediamannya sendiri kepada anggota keluarganya sahaja.

### **Syarat Yang Perlu Dipatuhi Oleh Pengajar**

1. Memiliki tauliah mengajar Negeri Perak
2. Pengajar tanpa tauliah hendaklah memiliki kebenaran mengajar
3. Pengajar / Penceramah hendaklah berfahaman dan beraliran Ahli Sunnah Wal Jamaah
4. Pengajar / Penceramah ditegah menyentuh dan membincarakan perihal Politik Kepartian,
5. Mengelak dari menyentuh isu-isu sensitif dan provokatif yang boleh menjasaskan perpaduan masyarakat ;
6. Tiada kenyataan bercanggah dengan fatwa atau pendirian yang tidak selari dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah
7. Tidak membawa fahaman dan aliran yang diwartakan sesat ;
8. Hendaklah mengajar di tempat yang telah ditentukan sahaja,
9. Tidak dibenarkan mengutip segala bentuk derma tanpa kebenaran pihak berkuasa.

### **MENGAPA SEKSYENINI PENTING?**

Bukan untuk menyekat pengembangan agama Islam tetapi sebagai satu mekanisme untuk mengawal pengajaran berlandaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah.

#### **Hukuman**

Denda tidak melebihi RM5000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

**SCAM**

# MACAU SCAM?

## APA ITU MACAU SCAM?

Sindiket jenayah siber atau penipuan telekomunikasi yang memperdaya mangsa dengan panggilan palsu hingga mengakibatkan kerugian jutaan ringgit. Macau Scam didalangi sindiket Taiwan serta China yang menggunakan talian antarabangsa dari Hong Kong juga tempatan.

**Jangan Panik!  
Jangan Tergopoh-  
Gapah Untuk  
Membuat  
Pemindahan Wang**

### PERINGATAN

Perbuatan mengeksloitasi kelemahan orang lain untuk mendapatkan hartanya secara penipuan adalah **HARAM!**

### MODUS OPERANDI

#### CABUTAN BERTUAH (LUCKY DRAW)

Mangsa telah dihubungi kerana kononnya telah memenangi sesuatu cabutan bertuaht. Jika ingin menebus hadiah, mangsa perlu membuat transaksi dengan memasukkan wang ke dalam akaun tertentu.

#### MENYAMAR SEBAGAI PEGAWAI POLIS / AGENSI KERAJAAN

Mangsa menerima panggilan kononnya dituduh terlibat dalam kegiatan haram dan mangsa kemudiannya diminta untuk memindahkan wang ke dalam akaun tertentu bagi tujuan menutup kes.

#### MENYAMAR SEBAGAI PEGAWAI BANK NEGARA ATAU BANK KOMERSIL (KAD KREDIT)

Mangsa menerima panggilan kononnya sebagai pegawai bank, mengatakan mangsa gagal membuat bayaran kad kredit. Mangsa akhirnya diperdaya untuk membuat pemindahan wang ke nombor akaun tertentu.

#### TIPU CULIK DAN MINTA WANG TEBUSAN

Mangsa menerima panggilan telefon daripada seseorang yang mendakwa anak atau saudaranya diculik. Mangsa diperdaya untuk memindahkan wang tebusan ke nombor akaun pihak ketiga yang diberikan oleh pemanggil.

# RASULULLAH SAW

## Teladan Sepanjang Zaman

Rasulullah SAW adalah seorang pemimpin yang sangat mengagumkan dalam sejarah tamadun manusia. Benar terdapat pemimpin yang dikagumi seantero dunia tetapi semuanya tidak boleh disamakan dengan Baginda SAW. Rasulullah SAW mempunyai sifat-sifat yang sangat sempurna malah tidak dapat ditandingi oleh sesiapun.

## SIFAT WAJIB RASUL

## TELADAN SIFAT WAJIB

## SIFAT MUSTAHIL

## PANDUAN

**As-Sidq /  
Benar**

1. Benar pengakuan sebagai rasul
2. Benar segala pengajaran yang disampaikan
3. Benar segala perbuatan dan tindakan
4. Benar segala aqwal/perkataan

"Ceritakanlah (Hai Muhammad) kisah Ibrahim di dalam Al Kitab (Al Quran) ini. Sesungguhnya ia adalah seorang yang sangat membenarkan lagi seorang Nabi".  
(Maryam : 41)

## Al-Kizb / Pendusta

"Dan tidaklah dia (Muhammad) menuturkan sesuatu mengikut kemahuannya. Melainkan semuanya adalah wahyu yang disampaikan Allah"  
(An Najm : 3-4)

1. Setiap rasul pasti jujur dalam ucapan dan perbuatannya. Apa yang disampaikan kepada manusia, baik berupa wahyu atau khabar sesuai dengan apa yang telah diterima dari Allah tidak dilebihkan atau dikurangkan.

2. Sifat benar para Rasul tergambar di dalam keperibadian mereka sepanjang hayat.

**Al-Amanah /  
Dipercayai**

1. Dipercayai dan jujur dalam tugasannya.
2. Tugasan dilaksanakan demi kesejahteraan semua.
3. Tidak menggunakan kedudukan untuk kepentingan diri dan keluarga.

"Sesungguhnya aku ini Rasul yang amanah kepada kamu"  
(As-Syu'ara: 143)

## Al-Khianat / Pengkhianat

"Ikutilah apa yang telah diwahyukan kepadamu dari Tuhanmu; tidak ada Tuhan selain Dia; dan berpalinglah dari orang musyrik".  
(Al-An'am : 106)

1. Setiap pemimpin hendaklah mempunyai sifat ini kerana dia akan dipertanggungjawabkan di akhirat kelak.

Sabda Nabi SAW :  
"Apabila amanah disia-siakan maka tunggulah saat kehancuran (kiamat makin dekat), lalu sahabat bertanyakan maksud amanah disiakan itu, Baginda menjawab, "Jika diserahkan suatu urusan bukan pada ahlinya, maka tunggulah kedatangan hari kiamat".

**At Tabligh /  
Menyampaikan**

1. Menyampaikan segala ajaran Islam tanpa disembunyikan.
2. Ketabahan hati menghadapi segala penderitaan dan penyiksaan demi menyampaikan Islam.
3. Sabar menghadapi karenah sasaran dakwah malah mendoaikan mereka.

"Wahai Rasul! Sampaikanlah apa yang diturunkan Tuhanmu kepadamu. Jika tidak engku lakukan (apa yang diperintahkan itu) berarti engku tidak menyampaikan amanat-Nya".  
( Al-Maidah:67)

## Al-Kitman / Menyembunyikan

"Katakanlah: Aku tidak mengatakan kepadamu, bahwa perbendaharaan Allah ada padaku, dan tidak (pula) aku mengetahui yang ghaib dan tidak (pula) aku mengatakan kepadamu bahwa aku seorang malaikat. Aku tidak mengikuti kecuali apa yang diwahyukan kepadaku".  
(Al-An'am : 50 )

1. Semua rasul tidak memiliki sifat Al kitman atau menyembunyikan. Setiap wahyu yang diberikan kepada rasul akan disampaikan seluruhnya kepada umatnya.

2. Menyembunyikan kebenaran Islam adalah dosa yang mesti dihindarkan kerana Islam adalah panduan lengkap kehidupan.

**Al Fatonah /  
Bijaksana**

1. Bijaksana dalam memberi keterangan dan berhujah menegakkan Islam.
2. Bijaksana dalam semua perkara mentadbir dan mengurus kehidupan dakwah.
3. Penuh hikmah dalam menjalankan tugasannya.
4. Mempunyai kecerdasan yang tinggi.

"Serulah (wahai Muhammad) ke jalan Tuhanmu dengan hikmah..".  
(An Nahl : 125)

## Al-Baladah / Dungu

Mustahil Rasul itu dungu. Walaupun Rasulullah SAW tidak boleh membaca dan menulis (ummī) tetapi Baginda pandai dalam menyampaikan kebenaran dan memiliki strategi yang tajam. Allah berfirman, yang ertiinya:

"Dan juga sebagai penyeru (umat manusia seluruhnya) kepada agama Allah dengan taufiq yang diberiNya; dan sebagai lampu yang menerangi."  
(Al-Ahzab: 46).

1. Sifat ini dibekalkan agar mereka mampu memerangi kaum yang sesat dan bijak dalam mengatur starategi dakwah yang berkesan serta dapat mematahkan hujah orang musyrikin.

2. Setiap muslim wajar memiliki kebijaksanaan bagi memelihara agama Islam di sepanjang zaman.

# RASULULLAH SAW: "USWATUN HASANAH"

30 Oktober 2020M/ 13 Rabiul Awal 1442H

1

Kepentingan memilih pemimpin yang berakhlik unggul untuk meneraju sesebuah negara dan tokoh paling baik dan sempurna tidak lain dan tidak bukan adalah baginda Rasulullah SAW untuk diteladani.

2

Rasulullah SAW bersikap terbuka dan sentiasa mendengar buah fikiran masyarakat dengan mengamalkan prinsip syura dalam pengurusan dan membuat keputusan.

3

Baginda SAW seorang pemimpin yang sangat adil dan tegas. Sebagaimana kisah seorang wanita dalam sebuah hadis, maksudnya: "Jika sahaja Fatimah puteri Muhammad mencuri, maka aku sendiri akan memotong tangannya"

4

Dalam kehidupan berumahtangga baginda Rasulullah SAW sentiasa mendidik dan berlaku adil serta berlemah lembut kepada isteri-isterinya dan tidak pernah memukul atau menghina mereka.

5

Dalam kehidupan berjiran baginda Nabi Muhammad SAW telah menunjukkan akhlak yang baik sebagai seorang jiran, samada kepada jiran muslim maupun bukan muslim. Sebagaimana diriwayatkan oleh Ibni Abi Husin maksudnya: Rasulullah SAW pernah menziarahi jirannya yang beragama Yahudi ketika ditimpa sakit.

6

Baginda SAW sangat mementingkan hubungan persaudaraan dan menganjurkan pengikutnya untuk sentiasa hidup bersatu padu dan mengelakkan perpecahan dalam kehidupan masyarakat dan negara.

7

Baginda SAW adalah contoh kepimpinan yang terbaik dari segala aspek kehidupan buat diri sendiri, ahli keluarga,masyarakat dan negara.

# "Mentaati Raja Tonggak Kesejahteraan Negara"

6 November 2020M/ 20 Rabiul Awal 1442H

1

Ketaatan kepada pemimpin adalah satu perintah yang wajib ke atas semua umat Islam. Ia merupakan ketaatan peringkat ketiga selepas ketaatan kepada Allah dan rasulnya.

3

Kuasa yang dimiliki oleh Institusi Diraja melangkuai kepentingan politik dan segala titahnya adalah berasaskan kepada kepentingan rakyat jelata.

2

Kesetiaan kepada raja dan negara merupakan prinsip Rukun Negara yang kedua. Hal ini menunjukkan betapa pentingnya kesetiaan kepada raja dan negara oleh semua rakyat Malaysia.

4

Selain melindungi kepentingan agama Islam, Institusi Diraja menjadi lambang perpaduan dan kesejahteraan semua kaum.

# Nadwah Penyelarasan Sekretariat NGO's Dakwah Islam Perak

11 -13 September 2020 / Jumaat - Ahad

Program selama 3 hari ini telah diadakan di Casuarina Convention Center, Casuarina @ Meru, Ipoh dan disertai oleh 35 buah NGO's Islam. Sebanyak 3 kertas kerja turut dibentangkan sepanjang program ini berlangsung.

- Memberi pendedahan serta perkongsian idea terhadap kepentingan gerak kerja dakwah masa kini.
- Membina pelan tindakan dan penyelarasan gerak kerja dakwah Negeri Perak bagi meningkatkan kefahaman mengenai Islam.
- Mempertingkatkan kredibiliti pengurusan gerak kerja dakwah sebagai pemangkin kepada transformasi pembangunan negeri.



YB. Datuk Seri Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) menyampaikan ucaptama dan merasmikan program. Turut hadir bersama ialah YB Dato' Zulazlan Bin Abu Hassan, Pegawai Kewangan Negeri Perak, YB Tuan Mohd Akmal bin Kamarudin, Pengurus Jawatankuasa Agama Islam dan Penerangan Negeri Perak serta Dato' Haji Mohd Yusop Bin Haji Husin, Pengarah Jabatan Agama Islam Perak.

Perbincangan dalam kumpulan berkaitan cadangan program-program yang akan dilaksanakan untuk membangunkan suatu modul dakwah.

Antara wakil-wakil daripada 35 buah NGO yang turut serta sepanjang program berlangsung.

## SEMINAR PEMATUHAN HALAL Negeri Perak 2020

3 September 2020 / Khamis

Berlangsung di Institut Tadbiran Islam Perak dengan dihadiri seramai 94 orang jemputan dari pemegang Sijil Pengesahan Halal di Negeri Perak.

- Memberi kefahaman kepada peserta mengenai keperluan umum pensijilan halal.
- Memberikan kesedaran kepada peserta mengenai kepentingan pensijilan halal.



Program ini dirasmikan oleh YB Tuan Mohd Akmal bin Kamarudin, Pengurus Jawatankuasa Agama Islam dan Penerangan Negeri Perak serta dihadiri oleh Tuan Haji Harith Fadzilah bin Abdul Halim, Timbalan Pengarah Jabatan Agama Islam Perak.



Antara penceramah jemputan yang menjayakan seminar tersebut ialah dari Halal Development Corporation Berhad (HDC), KPDNHEP, Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) dan Pihak Industri.

# Majlis Sambutan Maulidur Rasul 1442H Negeri Perak Darul Ridzuan

28 Oktober 2020 / Rabu

Berlangsung di Masjid Sultan Azlan Shah, Jalan Raja Musa Mahadi, Institut Tadbiran Islam Perak, 31400 Ipoh, Negeri Perak dengan dihadiri seramai 450 orang jemputan.

- Program diadakan bagi menyambut dan memperingati Hari Keputeraan Baginda Nabi Muhammad SAW.
- Menyemai rasa cinta dan kasih ke atas junjungan besar Rasulullah SAW.
- Mengukuhkan kesatuan dan perpaduan dalam kalangan umat Islam

Program ini dihadiri serta dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Ahmad Faizal Dato' Haji Azumu, Menteri Besar Perak.



Tausiyyah sempena Maulidur Rasul disampaikan oleh S.S. Timbalan Mufti Negeri Perak, Dato' Haji Zamri Bin Hashim yang mengingatkan supaya melazimi berzikir dan fikir dahulu untuk mengelak dari melakukan kemungkaran sebelum membuat sesuatu keputusan.

Bertemakan "Ummah Rabbani Negara Harmoni", sambutan Maulidur Rasul tahun ini disambut secara bersederhana mengikut SOP berikut penularan wabak COVID 19.



Modul Remaja Al-Ridzuan juga telah dirasmikan pada program tersebut dengan menyasarkan usaha penyemaian dan pembinaan generasi muda masa kini bagi mendekatkan diri dengan masjid.



Majlis diserikan dengan acara penyerahan cenderahati kepada petugas barisan hadapan (frontliners) sebagai tanda penghargaan dari Kerajaan Negeri Perak.

## OPERASI JUDI Seluruh Negeri Perak

26 September 2020 / Sabtu

Dalam memperkasakan Undang-Undang Syariah, Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang Syariah JAIPK telah menjalankan operasi secara berjadual dan operasi judi serentak di sekitar Negeri Perak.

- Mencegah Kemungkaran Dalam Kalangan Umat Islam
- Menguatkuaskan Undang-Undang Kesalahan Judi Seksyen 26 Enakmen Jenayah Syariah 1992.
- Membentuk Masyarakat Islam Membudayakan Hidup Tanpa Judi.
- Menjaga Maslahah Berdasarkan Prinsip Maqasid Syariah Iaitu Membentuk Kebaikan, Menolak Kerosakan Dan Menghilangkan Mudarat.



Operasi judi berjadual merupakan pemeriksaan ke atas premis-premis judi yang diadakan setiap minggu. Manakala operasi judi serentak pula dilaksanakan sebanyak 4 kali setahun di 16 buah daerah dalam Negeri Perak.

# MAJLIS PERNIKAHAN Semasa PKPB

## Tempoh PKPB



Antara pasangan pengantin yang menunggu giliran untuk dinikahkan di sekitar Pejabat Agama Daerah Ipoh.

Jumlah tetamu yang hadir bagi majlis pernikahan setiap pasangan pengantin hanya melibatkan pengantin, wali serta ibu bapa pengantin sahaja. Selain menghadkan jumlah kehadiran, pematuhan SOP turut diperketatkan seperti mana yang disarankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan Majlis Keselamatan Negara.

- Memberi pendedahan kepada orang ramai berkaitan ‘Tatacara Nikah Baharu’
- Memenuhi permintaan pasangan pengantin agar dapat meneruskan majlis pernikahan walaupun berhadapan dengan situasi pandemik Covid-19.



Pematuhan SOP oleh setiap pasangan pengantin



Pasangan pengantin merakamkan detik sejarah mereka sebaik sahaja selamat diijabkabulkan.

## PERTANDINGAN MENCINTA VIDEO PENDEK SEMPENA MAULIDUR RASUL 1442H/2020M KATEGORI SEKOLAH RENDAH DAN MENENGAH

5 November 2020 / Khamis (Tarikh Tutup)

Pertandingan ini dianjurkan oleh Bahagian Penyelidikan JAIPK sebagai satu inisiatif bagi kita menggambarkan kecintaan kepada Rasulullah SAW dengan mengamalkan akhlak serta sunnah Baginda dalam kehidupan seharian.

Pemenang bagi pertandingan ini adalah :

**Johan : Maahad Imtiyaz Ulu Kuang**

**Naib Johan : SMK Temenggong**

**Tempat Ketiga : Madrasah Idrisiah**

**Saguhati : SMK Temenggong, SM Islam Tahfiz Al Amin, SK Sungai Tukang Sidin, SK Kampung Gudang dan SMKA Sultan Azlan Shah.**



- Pertandingan ini terbuka kepada sekolah rendah dan menengah di dalam Negeri Perak yang berminat untuk menyertai berpandukan syarat-syarat penyertaan yang disenaraikan oleh urusetia.
- Sebanyak 18 buah sekolah yang menyertai dengan partiipasi sebanyak 40 video yang secara keseluruhannya agak berbakat serta mencabar bagi panel hakim membuat penilaian.
- Penghasilan video mestilah berdasarkan tajuk-tajuk yang telah ditetapkan oleh pihak penganjur dan wajib memasukkan #Rasulullahkamisayang di dalam video tersebut.

# TEKA SILANG KATA

## Jom Kenali RASULULLAH SAW



### MELINTANG

- Abdul Mutalib adalah datuk nabi. Nama sebenar beliau ialah ....
- Solat sunat yang dilakukan apabila matahari meninggi sekadar segalah di langit timur.
- Sesuatu yang diberikan untuk mendapat pahala daripada Allah.
- Nabi SAW wafat pada hari ....
- Cincin Rasulullah diperbuat daripada ....
- Kita digalakkan untuk menghidupkan malam dengan pelbagai bentuk ibadah.
- Diriwayatkan daripada 'Aisyah r.h.a., Nabi SAW menyukai ..... dan madu.
- Salah satu cara makan yang diamalkan oleh Rasulullah iialah dengan menggunakan ..... jari.
- Celak yang dipakai oleh Nabi SAW ialah dari batu .....

### KE BAWAH

- ..... bin Hisyam juga dikenali sebagai Abu Jahal.
- Perang yang berlaku ketika bulan Ramadhan.
- Nabi dan ahli keluarganya makan roti yang diperbuat dari tepung .....
- Berapa lapiskan baju besi Nabi SAW ketika Perang Uhud?
- Antara makanan yang sering dinikmati oleh Nabi SAW
- Capal Rasulullah mempunyai dua tali .....
- Antara sifat Nabi SAW.
- Rasulullah menggunakan .... Baginda sebagai cap mohor.
- Pakaian yang paling disukai oleh Rasulullah adalah ....
- Cincin Nabi SAW telah hilang terjatuh ke dalam telaga .....
- Selain kurma, ..... juga adalah makem kegemaran Nabi.

Tarikh tutup penyertaan : 15/02/2021

**NAMA :** ..... **UMUR :** .....

**ALAMAT :** .....

**NO. TELEFON :** .....

**SYARAT DAN PERATURAN**

- Penyertaan terbuka kepada semua pembaca al-Ridzuan.
- Tarikh tutup penyertaan: **15/02/2021**
- Penyertaan yang diterima selepas tarikh tersebut adalah ditolak.
- Pemenang dikira jika menjawab **semua petak dengan betul**.
- Isikan semua petak dengan HURUF BESAR dengan jelas.
- Hantarkan gambar jawapan anda berserta maklumat penyertaan dan hantarkan kepada pihak urusetai menerusi alamat e-mel **ukmjaipk@gmail.com** dengan subjek "**Jawapan silang kata 2**"
- Pemenang akan dihubungi melalui telefon atau e-mel.
- Keputusan hakim adalah muktamad.

### JAWAPAN TEKA SILANG KATA SIRI 1

#### JOM KENALI MALAYSIA!!!



### SENARAI PEMENANG JAWAPAN TEKA SILANG KATA SIRI 1



- Muhammad Hafizuddin Bin Norizan, Ipoh
- Siti Hasmaulizuana Binti Mohd Ali, Batu Gajah
- Nur Qistina Surwani Binti Mohd Azraie Azuan, Batu Gajah
- Jennifer A/p Anandaraj, Ipoh
- Nurus Silmi Binti Amir Hamzah, Ipoh



# **Soal Jawab Berkaitan Pengubatan Islam**

**Bab  
2**

## **Soalan :**

Akhir-akhir ini rawatan alternatif semakin mendapat tempat dalam kalangan masyarakat. Apakah yang dimaksudkan dengan perawatan alternatif, dan adakah ia berbeza dengan rawatan konvensional (alopati) ?

## **Jawapan :**

Perawatan bermaksud perihal (perbuatan) merawat, pemeliharaan, penyelenggaraan, pembelaan dan penjagaan. Perkataan-perkataan yang sinonim ini memberikan makna yang sama iaitu kelakuan bagi tujuan memastikan sesuatu itu terus atau kembali berada dalam keadaan yang baik.

Alternatif bermaksud satu pilihan antara dua pilihan. Pengertian dari sudut bahasa yang dikemukakan ini memberikan nilai yang sama antara kedua-dua pilihan ini tanpa melebihkan satu pilihan atas pilihan yang lain. Justeru, dari sudut bahasa, perawatan alternatif adalah merupakan satu pilihan lain kepada jenis perawatan yang telah sedia ada dan diguna pakai secara meluas oleh masyarakat.

Dari sudut penggunaan istilah “perawatan istilah”, Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari, Kementerian Kesihatan Malaysia (BPTK, KKM) telah menggambarkannya sebagai

kaedah perawatan yang berlainan daripada kaedah perawatan konvensional atau moden. Ia bersesuaian dengan penggunaan Dasar Perubatan Tradisional dan Komplementari Kebangsaan yang telah memberikan definisi Amalan Perubatan Tradisional dan Komplementari (Tradisional & Complementary Medicine Practise) sebagai “amalan perubatan tradisional dan komplementari yang diamalkan bersama, selain daripada perubatan atau pembedahan oleh pengamal perubatan berdaftar seperti yang terkandung dalam Akta Perubatan 1971.”

Dapat dirumuskan bahawa “perawatan alternatif” merujuk kepada kaedah perawatan yang berlainan daripada kaedah perawatan konvensional atau moden tetapi mempunyai nilai yang setara mengikut keadaan dan keperluan. Namun begitu, dari sudut objektif kedua-duanya adalah sama, iaitu memberikan kesembuhan dan kesejahteraan.

”...دان بوليه جادي کامو بنچي کقد سسواتو قدحال اي بائق باکني کامو،

دان بوليه جادي کامو سوك کقد سسواتو قدحال اي بوروق باکني کامو.


دان ﴿ايغتله﴾، الله جواله يع معتاھوئي ﴿سموان ايت﴾،

سدغ کامو تيدق معتاھوين“

(البقرة: ٢١٦)

# Masjid Tertua

Negeri  
Perak



- Masjid Lama Kampung Memali pada asalnya telah dibina di tebing Sungai Perak sekitar tahun 1910.
- Masjid ini mempunyai seni bina dan reka bentuk yang menggambarkan ciri-ciri rumah Melayu tradisional yang indah.
- Demi menjaga kepentingan warisan lama ini daripada terus lopus ditelan zaman, masjid ini telah diberi nafas baru serta dibaik pulih. Namun, struktur dan seni ukir lamanya masih dikekalkan.
- Kini masjid ini telah dipindahkan ke lokasi yang baharu iaitu di Bandar Seri Botani, Ipoh dan dikenali sebagai Surau Masjid Kampung Teluk Memali Seri Bougainvillea manakala tapak masjid yang lama masih lagi dikekalkan sebagai tapak masjid sehingga kini.